



Mesyuarat Agung Dwi Tahunan *ke-*34

Persatuan Kebajikan Pekerja-Pekerja

Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) Sesi 2025-2027



5 JULAI 2025
SABTU / 10 MUHARRAM



9:00 PAGI
PENDAFTARAN : 8:30 PAGI



DEWAN ASTER
TINGKAT 4, BANGUNAN IBU PEJABAT PKNS

BAHAGIAN 1

Aturcara Majlis	1
Notis Mesyuarat	2
Minit Mesyuarat Agung Dwi Tahunan Ke 33	3

BAHAGIAN 2

Laporan Jemaah Pentadbir PKP PKNS Sesi 2023/2025	22
Laporan Tabung Bangunan PKP PKNS Sesi 2023/2025	26
Laporan Tabung Amanah Derma Pelajaran (TADP) Sesi 2023/2025	34

BAHAGIAN 3

Laporan Kewangan PKP yang Disatukan Sesi 2023/2025	
Perakuan Pemeriksa Kira-Kira	
Anggaran Perbelanjaan dan Pendapatan PKP	

BAHAGIAN 4

Melantik Pemegang Amanah	51
Membuat Pinjaman Luar	52
Mencagar Dana Atau Memajak Harta	53
Usul Pindaan Perlembagaan PKP	54

BAHAGIAN 1

Aturcara Majlis	4
Notis Mesyuarat	5
Minit Mesyuarat Agung Dwi Tahunan ke 33	7
Ucapan Aluan Oleh YDP PKP Sesi 2021/2023	6
Ucapan Perasmian Oleh Y. Bhg Ketua Pegawai Eksekutif PKNS	11

MESYUARAT AGUNG DWI TAHUNAN KE -34
PERSATUAN KEBAJIKAN PEKERJA-PEKERJA (PKP) PKNS

Tarikh : 05 Julai 2025 (Sabtu)
Masa : 8.30 pagi hingga 12.00 tengah hari
Lokasi : Dewan Aster 1 & 2, Blok A, Tingkat 4,
Bangunan Ibu Pejabat PKNS

ATURCARA MAJLIS

8.30 pagi - 9.00 pagi : Pendaftaran & Sarapan Pagi
9.30 pagi : Ucapan Aluan Pengerusi Majlis
: Ucapan Aluan Oleh : **Yang Dipertua PKP**
: Ucapan Perasmian Oleh:
Pengarah Projek Signature
(Puan Hajah Azilah binti Arasad @ Arshad A.M.S.)
10.30 pagi : Mesyuarat Agung Dwi Tahunan PKP Bil. 34
Sesi 2025/2027
12.00 tengah hari : Tamat

Surat Kami : PKP/SU/01
Tarikh : 03 Jun 2025

Ahli-Ahli/Ahli Bersekutu
Persatuan Kebajikan Pekerja-Pekerja (PKP)
Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor

Tuan/Puan

NOTIS MESYUARAT AGUNG DWI TAHUNAN PKP KALI KE- 34 SESI 2025/2027

NOTIS MESYUARAT AGUNG DWI TAHUNAN PKP KALI KE- 34 SESI 2025/2027

2. Dengan ini adalah dimaklumkan bahawa mengikut Peraturan No. 15 Undang-Undang Tubuh Persatuan Kebajikan Pekerja-Pekerja (PKP) Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor Bil. Pendaftaran 172/Sel. Mesyuarat Agung Dwi Tahunan PKP akan diadakan pada:

Tarikh : 05 Julai 2025 (Sabtu)
Masa : 8.30 pagi hingga 12.30 tengah hari
Tempat : Blok A, Tingkat 4, Dewan Aster 1 & 2
Bangunan Ibu Pejabat PKNS

3. Agenda:

3.1 Kata Aluan Pengerusi Majlis

3.2 Ucapan Aluan Oleh Yang Dipertua PKP

3.3 Ucapan Perasmian

3.4 Menerima dan Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Dwi Tahunan PKP ke 33 Sesi 2023/2025

3.5 Laporan:

3.5.1 Membentang dan Menerima Laporan Jemaah Pentadbir PKP Sesi 2023/2025

3.5.2 Membentang dan Menerima Laporan Tabung Bangunan PKP Sesi 2023/2025

3.5.3 Membentang dan Menerima Laporan Tabung Amanah Derma Pelajaran (TADP) Sesi 2023/2025

3.6 Laporan Kewangan:

3.6.1 Membentang dan Menerima Laporan Kewangan PKP yang disatukan bagi tahun 2023/2024

3.6.2 Membentang Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan PKP bagi Tahun 2024/2025

3.7 Sesi Pembubaran Ahli Jemaah Pentadbir sesi 2023/2025 dan Pelantikan Pengerusi Sementara

3.8 Pengumuman Pelantikan YDP, NYDP dan (10) Orang Ahli Jemaah Pentadbir sesi 2025/2027

3.9 Pengumuman Pelantikan (2) Orang Pemeriksa Kira-Kira Sesi 2025/2027

3.10 Melantik (3) Orang Pemegang Amanah PKP Sesi 2025/2027

3.11 Menimbang dan Menerima Usul

3.12 Hal-hal lain

4. Bersama-sama ini juga dilampirkan borang usul (sekiranya ada) yang perlu diisi dan dikembalikan semula ke pejabat PKP PKNS **tidak lewat dari 23 Jun 2025 (Isnin)** untuk semakan dan pertimbangan pihak PKP PKNS.

Sekian, terima kasih.

'PKP PENGGERAK KEBAJIKAN'



(HASLINDA BINTI YESSAN)
SETIAUSAHA

**PERSATUAN KEBAJIKAN PEKERJA-PEKERJA
PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR (PKNS)**

**MINIT MESYUARAT AGUNG DWI TAHUNAN PERSATUAN KEBAJIKAN PEKERJA-PEKERJA
(PKP)**

**PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR KALI KE -33
SESI 2023/2025**

Tarikh	:	24 Jun 2023 (Sabtu)
Masa	:	9.00 Pagi
Tempat	:	Dewan Aster 1 & 2 Tingkat 4, Ibu Pejabat PKNS
Juruacara Majlis	:	Encik Muhammad Nor Ibnu bin Ahmad Shukri
Pengerusi Mesyuarat	:	Encik Zurani bin Mohamad Darum P.J.K. Yang Dipertua PKP
Kehadiran Mesyuarat	:	485 orang ahli
Pencatit Minit	:	1. Puan Faizah binti Mohd Yusoff 2. Puan Nur Sabrina binti Buang

2.0 UCAPAN ALUAN OLEH YANG DIPERTUA PKP

Yang Berusaha Tuan Haji Idris bin Ishak
Ketua Pegawai Korporat PKNS
Yang Berusaha, Ahli-ahli Pengurusan PKNS
Presiden, Wakil-Wakil Persatuan, Kelab dan Kesatuan
Barisan Ahli Jemaah Pentadbir & AJK PKP sesi 2021/2023
Seterusnya hadirin ahli PKP yang dihormati sekalian.

ASSALAMUALAIKUM DAN SALAM SEJAHTERA,

1. Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izinNya jua dapat kita bersama-sama berkumpul pada pagi yang mulia ini.

2. Saya bagi pihak seluruh barisan Ahli Jemaah Pentadbir PKP mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berusaha Tuan Haji Idris bin Ishak kerana telah sudi menerima jemputan kami bagi menyampaikan ucapan dan seterusnya menyempurnakan Mesyuarat Agung Dwi Tahunan PKP kali ke 33 pada pagi ini. Juga turut diraikan kehadiran ahli-ahli PKP yang cakna. Syukur Alhamdulillah.

Saudara/ri,

3. Mesyuarat Agung Dwi Tahunan PKP ini merupakan medan untuk Saudara/ri menilai pencapaian Persatuan dalam melaksanakan tanggung jawab yang telah diamanahkan sepanjang sesi 2021/2023 serta untuk memberi peluang kepada saudara/ri bersemuka & berbincang bagi mencapai persetujuan bersama ke arah memberikan manfaat dan kebaikan kepada PKP dalam masa yang sama sebagai salah satu cara untuk saudara/ri mengambil bahagian dalam memberikan input-input yang mampu mempertingkatkan sahsiah diri dalam proses ke arah menjadi lebih baik dalam konteks profesional dan peribadi.

4. Bulan Jun 2023 merupakan bulan yang sibuk buat kita di PKNS. Mulai 17 Jun 2023 dengan mesyuarat Agung Koperasi PKNS, Discovery PKNS Antara Gapi, hari ini 24 Jun 2023 Mesyuarat Agung PKP, esok 25 Jun 2023 Selangor Race International minggu depannya pula Hari Raya Korban 29 Jun 2023 (insyaAllah). Ini tentunya menuntut kita selaku ahli-ahli persatuan dan selaku anggota PKNS untuk terus bersedia dengan menjadualkan kerja harian kita. Sedaya upaya untuk memastikan kita tidak terlepas dengan tanggungjawab kepada majikan kita iaitu PKNS.

5. Hadirin sekalian, kembali kepada membicarakan tentang mesyuarat Agung Dwi Tahunan PKP ini, saya suka menyorot beberapa kejayaan PKP yang boleh dikongsikan sepanjang sesi 2021/2023. antara nya;

5.1 Organisasi dapat ditadbir dengan dengan jaya berpandukan Undang-Undang Tubuh Persatuan Kebajikan Pekerja Pekerja PKNS yang didaftarkan pada 23 Februari 1998. Walaupun Ahli Jemaah Pentadbir (AJP) berjumlah 13 orang dan 33 AJK tambahan terdiri daripada pelbagai latar belakang jawatan namun ianya dapat disatukan dibawah satu bumbung dengan harmoni menerusi **(5) teras nilai bersama** yang disemai iaitu ***Perihatin, Integriti, Kerjasama Berpasukan, Istiqamah & Komited. Visi: Bersama Bersatu Meneraju Kebajikan. Misi: Membudaya Sebuah Persatuan Yang Berdaya Saing, Kreatif & Inovatif.***

5.2 Kejayaan mengurus satu (1) unit Pejabat PKP dengan teratur dan kemaskini. Tuan/pun ahli PKP dijemput untuk melawat pejabat pentadbiran PKP yang terletak di Blok D, Bangunan Ibu Pejabat PKNS.

5.3 Kemampuan PKP mengekalkan Zero (0) % tunggakan premis PKP. Terdapat 12 unit premis sewa PKP dapat ditadbir dengan baik. Bayaran sewa yang dipantau sejak awal menerusi susulan yang cekap dan berkesan telah meningkatkan kutipan sewa dan mengurangkan tunggakan.

5.4 Kejayaan PKP menambah pegangan premis baru di Kuala Selangor. PKP telah berjaya membeli (1) unit Rumah Kedai 2 Tingkat beralamat No. 39 Jalan Melati 3/19, Bandar Melawati, Kuala Selangor dengan harga **RM530,000.00** secara *subsale*. Pembelian ini adalah untuk menggantikan (1) unit premis yang PKP telah jual di Pulau Indah. Alhamdulillah, pembelian ini telah menambah nilai aset pemilikan kepada PKP dan pendapatan sewa (*recurring*) kepada PKP.

5.5 Apa yang saya kongsi tadi bukan hanya kata-kata tapi disokong dengan data dan fakta hasil dengan peningkatan/pengurangan butiran perkara-perkara berikut;

BIL	PERKARA	TAHUN (RM)		Peratus
		2021	2022	
1.	Kos Aktiviti	76,852.95	159,505.14	112%
2.	Pendapatan	494,914.35	726,380.86	146%
3.	Perbelanjaan & Kebajikan	552,451.28	524,584.09	5%
4.	Ekuiti	3,643,965.00	3,788,225.27	3%
5.	Peruntukan Cukai Pendapatan	70,000.00	70,000.00	-

Tuan/Puan,

6. Peningkatan Ekuti sebanyak 3% satu rahmat yang disyukuri atas ehsan perbelanjaan secara bersasar serta langkah belanja mengurus yang berhemah telah melonjakan nilai ekuti PKP tersebut. Ini bermakna dalam mengurus PKP Ahli Jemaah Pentadbir hanya menggunakan dana sedia ada tanpa mengambil sedikit wang yang disimpan dalam `Fixed Deposit` atau menjual mana-mana harta untuk membiayai program-program yang dirancang. Untuk laporan lebih lanjut saya mengajak saudara-saudari untuk terus mengikuti perjalanan mesyuarat Dwi Agung tahunan seusai majlis perasmian ini.

7. Selain itu juga, PKP telah berjaya mengadakan program-program berikut;

- i. Kebajikan - Penyediaan saguhati / Tabung Kecemasan
- ii. Pendidikan - Mengadakan program kursus/outing untuk manfaat ahli
- iii. Kemasyarakatan - Mengeratkan hubungan dan perpaduan sesama ahli dan masyarakat dengan mengadakan program gotong royong membersihkan karpet di Surau-surau terpilih

Hadirin dan ahli-ahli yang dihormati,

8. Pada Mesyuarat Agung Dwi Tahunan Kali kali ini, kami Ahli Jemaah Pentadbir PKP sesi 2021/2023 seramai 13 orang akan mengembalikan semula PKP ini kepada pangkuan saudara/ri dengan baik kami telah menjaganya selama 24 bulan siang dan malam. Walaupun ada luka dan cedera2 kecil ianya tetap kami jagainya dengan sebaiknya. Kini masanya untuk saudara/ri mencalonkan AJP yang baharu samaada mengekalkan calon sedia ada atau ada pencalonan baru dikalangan yang lebih baik dan kemampuan untuk mentadbir PKP. Saya berharap gunakanlah kebijaksanaan saudara/ri sebagai ahli untuk memilih dan mengundi calon-calon yang sedia memikul amanah pada kali ini.

9. Untuk mengakhiri ucapan saya pada pagi ini, sekali lagi mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berusaha Tuan Hj Idris bin Ishak, Ahli-Ahli Pengurusan serta seluruh jemputan yang telah dapat hadir bersama-sama kita pada pagi ini.

Sekian wabillahi taufiq wal hidayah

Wasalam

ZURANI BIN MOHD DARUM PJK.

3.0 UCAPAN PERASMIAN Y. BHG. KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF PKNS

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Yang Berusaha Saudara Zurani bin Mohd Darum
Yang Dipertua Persatuan Kebajikan Pekerja-Pekerja (PKP) PKNS
Ahli-ahli Pengurusan PKNS,
Barisan Ahli Jemaah Pentadbir PKP Sesi 2021/2023
Presiden, Wakil-Wakil Persatuan, Kelab dan Kesatuan

Seterusnya tuan-tuan dan puan-puan ahli Persatuan Kebajikan Pekerja-Pekerja (PKP) yang dihormati sekalian.

1. Alhamdulillah, pertama-tamanya marilah kita mengucapkan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan kurnianya kita diberikan kesihatan yang baik dan kelapangan waktu untuk sama-sama hadir ke Mesyuarat Agung DwiTahunan Persatuan Kebajikan Pekerja-Pekerja PKNS kali ke 33 pada pagi ini. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak PKP yang sudi menjemput saya untuk menyampaikan ucapan perasmian dan seterusnya merasmikan Mesyuarat Agung kali ini.

Tuan/puan Ahli-ahli PKP yang saya hormati sekalian,

2. Mesyuarat Agung Dwi Tahunan PKP ini merupakan salah satu saluran untuk Ahli-Ahli menilai pencapaian Persatuan dalam melaksanakan tanggung jawab yang telah diamanahkan sepanjang sesi 2021/2023 serta untuk memberi peluang kepada ahli-ahli memberikan idea-idea baharu dan melontarkan persoalan jika memerlukan pencerahan bagi mencapai matlamat penubuhan Persatuan kearah yang lebih baik kepada PKP dan ahli-ahlinya. Dalam masa yang sama juga, ini adalah tanggungjawab bersama untuk ahli-ahli mengambil bahagian dengan rasa kebersamaan dalam memastikan PKP ke arah yang lebih cemerlang dan bermanfaat serta relevan untuk masa kini dan masa-masa akan datang.

3. Saya juga ingin mengucapkan Tahniah dan Terima Kasih kepada Yang Dipertua PKP dan barisan Ahli Jemaah Pentadbir PKP sesi 2021/2023 yang telah menjalankan peranan dengan penuh tanggung jawab dengan menyediakan peruntukan kebajikan kepada ahli-ahli serta berjaya menjalankan aktiviti CSR bersama komuniti menerusi aktiviti '**Gotong Royong Mencuci Karpét**' di

Surau-Surau yang terpilih di kawasan pembangunan PKNS seperti Surau Seksyen 5, di Kota Puteri pada Disember 2021, Surau Seksyen 5, di Bandar Baru Bangi pada April 2022, Surau di Antara Gapi pada Disember 2022, Madrasah Al Hukmiah Taman Medan pada November 2022, Surau Al Firdaus di Kota Damansara pada Januari 2023 dan Gotong Royong Rumah Anak Yatim di Sungai Buloh pada Mac 2023 serta banyak lagi program-program CSR yang PKP bekerjasama dengan PKNS di bawah Jawatankuasa Pengurusan Wang Zakat PKNS. Ini telah menjadi produk PKP dan saya berharap agar ianya dapat dipergiat dan diteruskan lagi. Usaha murni ini telah membawa bersama jenama PKNS untuk sentiasa rapat dengan masyarakat yang selama ini adalah merupakan pelanggan-pelanggan PKNS.

4. Menyentuh berkaitan perniagaan dan cabaran baharu untuk PKNS dalam dunia perniagaan. Kita semua telah sedia maklum bahawa menjelang 2030, PKNS telah menetapkan visi PKNS dan kumpulan Anak Syarikat untuk menjadi sebuah organisasi kukuh dan berdaya saing. Berdasarkan kepada pembentangan rangka kerja tersebut kepada Ahli Perbadanan pada awal tahun ini, pada tahun 2030, keuntungan PKNS disasarkan sebanyak RM2.5 billion dengan jumlah GDV sebanyak RM19.8 billion. Ketua Pegawai Eksekutif PKNS sering menyatakan dimana umur PKNS yang hampir 59 tahun ini, perlu bergerak ke hadapan agar lebih berjaya daripada syarikat-syarikat konglomerat Malaysia yang lain serta mampu memberi sumbangan kepada pembangunan ekonomi negeri.

5. Ucapan Menteri Besar Selangor selaku pengerusi PKNS baru-baru ini di Majlis APC PKNS juga menyatakan dalam ucapannya bahawa, beliau berbangga dengan prestasi PKNS yang telah berkembang daripada sebuah agensi yang ingin membangunkan komuniti dan masyarakat di Selangor, kini telah melebarkan sayap dalam pelbagai sektor serta juzuk perniagaan. Dari industri tenaga, pembuatan hingga perkhidmatan, PKNS tidak ketinggalan meneruskan usaha-usaha pembangunan bandar serta perumahan kepada masyarakat katanya. Pada masa yang sama, PKNS perlu mengekalkan peranan sedia ada selain meningkatkan status dan kualiti demi kemajuan masa depan.

6. Tuan/Puan, kita perlu sama-sama ambil perhatian dan tindakan yang bersesuaian selari dengan strategi yang digariskan bagi memastikan PKNS fokus dalam landasan yang betul dan meningkatkan prestasi kewangan PKNS. Jika kita berjaya melakukan perubahan ini dengan baik, InsyaAllah, PKNS akan memberikan pulangan kepada kita semua.

7. Saya yakin tuan/puan yang hadir pada hari ini sedia maklum dengan cabaran dan hala tuju yang saya nyatakan tadi. Cabarannya ialah untuk menjual baki-baki stok hartanah PKNS, menurut rekod Bahagian Jualan PKNS sehingga 20 Jun 2023 masih mempunyai baki stok hartanah sebanyak 733 unit dengan nilai RM466,028,106.38. Saya ingin mengajak tuan/puan untuk kita sama-sama usahakan dengan membantu mempromosikan hartanah PKNS kepada rakan-rakan dan kenalan yang ada dalam *contact* telefon bimbit masing-masing. PKNS telah melancarkan kempen JUALAN BONANZA PKNS 2023 menerusi aplikasi STAR PKNS. Diharap dengan adanya modul terkini jualan, akan membantu meningkatkan lagi jualan hartanah PKNS.

8. Saya ingin mengambil kesempatan untuk berkongsi dengan tuan / puan mengenai aplikasi yang saya rasa sangat membantu dalam pencarian maklumat iaitu Chat GPT. Chat GPT adalah satu teknologi AI yang dicipta bagi membantu pengguna untuk menjawab sebarang soalan dalam masa yang singkat dan memberikan maklumat yang tepat berdasarkan maklumat yang terdapat secara atas talian. Tuan / puan boleh berkongsi dengan anak tuan / puan yang masih belajar untuk menggunakan teknologi ini yang saya percaya sangat membantu dalam pembelajaran mereka.

Hadirin yang dihormati sekalian,

9. Berbalik kepada mesyuarat Agung PKP ini, saya difahamkan pada kali ini akan diadakan pelantikan Ahli Jawatankuasa baharu bagi sesi 2023/2025. Saya berharap tuan/puan dapat melantik ahli-ahli yang berpengalaman dan benar-benar berminat untuk meneruskan kecemerlangan PKP serta berkemampuan memberikan halatuju yang jelas untuk memantapkan lagi organisasi PKP supaya ianya selaras dengan aspirasi PKNS ke arah pembinaan imej menerusi jalinan bersama masyarakat disamping dapat melahirkan ahli yang mempunyai sifat kepimpinan, jati diri dan pembentukan sikap yang positif serta mampu untuk menganjurkan sebarang aktiviti yang memberikan pulangan kepada PKNS.

10. Akhir kata, syabas dan tahniah diucapkan kepada Yang Dipertua dan barisan Ahli Jemaah Pentadbir dan seluruh Ahli Jawatankuasa Biro-Biro yang menjayakan Mesyuarat Agung Dwi Tahunan kali ke 33 pagi ini. Kepada ahli-ahli PKP saya ucapkan Selamat Bersidang dan gunakanlah hak tuan-tuan dan puan-puan sebagai ahli sebaiknya.

11. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim / saya dengan ini merasmikan **MESYUARAT AGUNG DWI TAHUNAN PERSATUAN KEBAJIKAN PEKERJA-PEKERJA KALI KE 33** / saya akhiri dengan serangkap pantun,

59 TAHUN PKNS SUATU KEJAYAAN
MEMBANGUN NEGERI MEMBINGKAI ZAMAN
MESYUARAT AGUNG PKP KITA RAIKAN
DENGAN LAFAZ BISMILLAH SAYA RASMIKAN

Sekian. terima kasih.

HAJI IDRIS BIN ISHAK

4.0 MENERIMA DAN MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG DWI TAHUNAN PKP KALI KE-32

Encik Saiful Anwar bin Haji Muhamad Sharif, Setiausaha PKP telah membentangkan Minit Mesyuarat Agung Dwi Tahunan PKP Kali Ke-32 yang telah diadakan pada 14 Ogos 2021. Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Dwi Tahunan PKP Kali Ke-32 seperti di muka surat 3 hingga 21.

Pencadang : **Encik Shahrom bin Abu Bakar (K0845)**

Disokong : **Encik Mohd Azriq bin Ahmad (K1892)**

5.0 LAPORAN

5.1 MENERIMA DAN MENGESAHKAN LAPORAN JEMAAH PENTADBIR PKP SESI 2021/2023

Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan laporan Jemaah Pentadbir PKP sesi 2021/2023 yang dibentangkan oleh Encik Zurani bin Mohamad Darum P.J.K., Yang Dipertua PKP (YDP PKP) di muka surat 22 hingga 26 dengan pertanyaan ahli dan penjelasan oleh YDP PKP seperti berikut :

a. Encik Shahrom bin Abu Bakar (K0845)

Pertanyaan:

- i) Adakah terdapat usaha untuk menambah bilangan ahli PKP Anak Syarikat memandangkan terdapat hanya lima (5) anggota Anak Syarikat menjadi ahli PKP sehingga hari ini?
- ii) Beliau seterusnya mencadangkan agar Jemaah PKP meneroka bisnes baru iaitu membeli hartanah di kawasan universiti awam / swasta untuk dijadikan Inap Desa (Homestay) atau disewakan kepada pelajar dan pensyarah.

Penjelasan:

- i) YDP PKP memaklumkan anggota Anak Syarikat adalah Ahli Bersekutu PKP dimana keahlian tersebut adalah disebabkan terdapat anggota PKNS ke Anak Syarikat dan mengekalkan keahlian PKP. Buat masa ini, fokus ahli jemaah pentadbir PKP adalah menambah keahlian ahli biasa sahaja. Walau bagaimanapun jika terdapat permohonan daripada anggota Anak Syarikat untuk menjadi ahli PKP, maka permohonan tersebut boleh dipertimbangkan.
- ii) YDP PKP merakamkan ucapan terima kasih di atas cadangan dan Ahli Jemaah Pentadbir PKP akan memperhalusi cadangan tersebut.

Pencadang : Encik Shahrom bin Abu Bakar (K0845)

Disokong : Encik Mohd. Khairil bin Abu Zahar (K1765)

5.2 MENERIMA DAN MENGESAHKAN LAPORAN TABUNG BANGUNAN PKP SESI 2021/2023

Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan Laporan Tabung Bangunan PKP sesi 2021/2023 yang dibentangkan oleh Encik Mohd Shahmil bin Sahar, Naib Yang Dipertua PKP (NYDP PKP) di muka surat 27 hingga 35 dengan pertanyaan ahli dan penjelasan oleh NYDP PKP seperti berikut :

a. Puan Norzuhaily binti Md Nasir (K1467)

Pertanyaan:

- i) Mencadangkan agar jumlah had pinjaman bagi skim ansuran mudah dinaikkan.
- ii) Mengikut laporan bayaran sewa penyewa premis PKP, terdapat rekod bayaran sewa penyewa sehingga Februari / April 2023 sedangkan penyewa-penyewa lain telah membayar sewa sehingga Mei 2023. Adakah terdapat tunggakan sewa?

Penjelasan:

- i) NYDP PKP memaklumkan kaji selidik terhadap jumlah had pinjaman bagi setiap jenis pembiayaan telah dibuat oleh jawatankuasa tabung pembangunan dan didapati jumlah had pinjaman adalah mencukupi. Walau bagaimanapun, memandangkan terdapat permintaan ahli untuk menaikkan had jumlah pinjaman, kajian terperinci akan dijalankan oleh barisan jawatankuasa yang baharu.
- ii) Mesyuarat turut dimaklumkan bahawa tunggakan sewa masih terkawal kerana jumlah tunggakan tidak melebihi deposit yang dibayar oleh penyewa. Biro Pengurusan Harta telah mengambil tindakan untuk menuntut tunggakan sewa.

b. Encik Shahrom bin Abu Bakar (K0845)

Pertanyaan:

- i) Mencadangkan agar jumlah had pinjaman motosikal dinaikkan daripada RM7,000.00 kepada RM10,000.00 memandangkan harga semasa motosikal telah melebihi RM7,000.00.

Penjelasan:

- i) NYDP PKP mengucapkan terima kasih di atas cadangan tersebut. Untuk makluman mesyuarat, peruntukan bagi kemudahan pinjaman tanpa faedah kepada ahli adalah sebanyak RM180,0000. Jika dinaikkan had pinjaman motosikal, kemungkinan bilangan pinjaman akan dihadkan bagi membuka peluang kepada ahli lain membuat pinjaman-pinjaman lain. Cadangan ini turut akan diperhalusi oleh jawatankuasa.

Pencadang : Puan Norzuhaily binti Md Nasir (K1467)

Disokong : Encik Shahrom bin Abu Bakar (K0845)

5.3 MENERIMA DAN MENGESAHKAN LAPORAN TABUNG AMANAH DERMA PELAJARAN (TADP) PKP SESI 2021/2023

Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan Laporan Tabung Amanah Derma Pelajaran (TADP) PKP sesi 2021/2023 yang dibentangkan oleh Puan Norsaharani binti Sahar, Pengerusi Jawatankuasa di muka surat 36 hingga 40 dengan pertanyaan ahli dan penjelasan oleh Pengerusi seperti berikut :

a. Puan Norzuhaily binti Md Nasir (K1467)

Pertanyaan:

- i) Mencadangkan agar ahli dan anak ahli yang diraikan sempena lulus cemerlang dalam peperiksaan disenaraikan di dalam laporan akan datang.

Penjelasan:

- i) YDP PKP meminta sokongan ahli bagi menyenaraikan senarai penerima suguhati di dalam laporan akan datang. Mesyuarat sebulat suara bersetuju dengan cadangan tersebut.

Pencadang : Encik Azhar bin Abdul Shukor P.J.K. (K1185)

Disokong : Puan Norzuhaily binti Md Nasir (K1467)

6.0 LAPORAN KEWANGAN

6.1 MEMBENTANG DAN MENGESAHKAN LAPORAN KEWANGAN PKP YANG DISATUKAN BAGI SESI 2021/2023

Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan Laporan Kewangan PKP yang disatukan bagi sesi 2021/2023 yang dibentangkan oleh Encik Zainudin bin Mohd Nor, Bendahari PKP di muka surat 41 hingga 52 dengan pertanyaan ahli dan penjelasan oleh Bendahari seperti berikut :

a. Encik Mohd Nazree bin Ahmad Latifi (K1483)

Pertanyaan:

- i) Merujuk kepada Akaun Untung Rugi Disatukan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022, mengapakah terdapat bayaran insurans bagi tahun 2022 dan tiada bayaran bagi tahun 2021 dan untuk apakah insurans tersebut?

Penjelasan:

- i) Dimaklumkan bahawa terdapat kelewatan dalam memperbaharui insurans pada tahun 2021. Bayaran pada tahun 2022 adalah bagi tahun 2021. Manakala bagi tahun 2022 bayaran belum dibuat memandangkan belum menerima bil daripada pihak insurans. Insurans tersebut adalah *fire insurance* untuk bangunan-bangunan di bawah PKP.

Pencadang : Encik Anuar bin Abdul Rahman (P1517)

Disokong : Encik Mohd Zahid bin Hashim (K1587)

6.2 MEMBENTANG DAN MENERIMA ANGGARAN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BAGI SESI 2023/2024

Mesyuarat telah menerima laporan Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan PKP bagi sesi 2023/2024 yang dibentangkan oleh Encik Mohd Shahmil bin Sahar, NYDP PKP di muka surat 54 dengan pertanyaan ahli dan penjelasan oleh beliau seperti berikut :

a. Encik Azhar bin Abdul Shukor P.J.K. (K1185)

Pertanyaan:

- i) Mencadangkan agar insuran kelompok untuk ahli dicarum oleh PKP

Penjelasan:

- i) Cadangan ini akan diperhalusi oleh Jemaah Pentadbir PKP yang baharu.

Pencadang : Encik Azhar bin Abdul Shukor P.J.K. (K1185)

Disokong : Encik Mohd. Khairil bin Abu Zahar (K1765)

7.0 PEMBUBARAN AHLI JEMAAH PENTADBIR SESI 2021/2023

Yang Dipertua PKP Sesi 2021/2023 dengan ini mengumumkan pembubaran barisan Ahli Jemaah Pentadbir PKP sesi 2021/2023 dan mengucapkan terima kasih atas sokongan penuh dan kerjasama yang diberikan kepada jemaah pentadbir PKP sepanjang sesi yang lalu.

8.0 PELANTIKAN AHLI JEMAAH PENTADBIR PKP SESI 2023/2025

Encik Ahmad Hazim bin Ramli (K2152) telah dilantik sebagai Pengerusi Sementara bagi Pemilihan / Pencalonan Ahli Jemaah Pentadbir PKP Sesi 2023/2025. Senarai pencalonan dan keputusan adalah seperti berikut:

i. PELANTIKAN YANG DIPERTUA

CALON 1

Nama : Encik Muhammad Hafiz bin Hanafiah (K1566)
Cadang : Encik Shahrom bin Abu Bakar (K0845)
Sokong : Puan Siti Maria binti Abd Aziz (K1607)
Bil Undi : 67

CALON 2

Nama : Encik Zurani bin Mohamad Darum P.J.K. (K1180)
Cadang : Puan Norzuhaily binti Md Nasir (K1467)
Sokong : Encik Ahmad Hazim bin Ramli (K2125)
Bil Undi : 112

CALON 3

Nama : Tuan Sr.Haji Adnan bin Mohd Haron (K1223)
Cadang : Encik Anuar bin Abdul Rahman (P1517)
Sokong : Encik Mohd. Khairil bin Abu Zahar (K1765)
Bil Undi : 36

CALON 4

Nama : **Encik Mohd Shahmil bin Sahar (K1476)**
Cadang : Encik Mohd Nazree bin Ahmad Latifi (K1483)
Sokong : Encik Muhammad Zulqif bin Mahamad Jainalabidin (K2423)
Bil Undi : **125**

Keputusan : **Encik Mohd Shahmil bin Sahar (K1476)**

ii. PELANTIKAN NAIB YANG DIPERTUA

CALON 1

Nama : **Encik Muhammad Hafiz bin Hanafiah (K1566)**
Cadang : Encik Shahrom bin Abu Bakar (K0845)
Sokong : Encik Ahmad Hazim bin Ramli (K2152)
Bil Undi : **54**

CALON 2

Nama : **Encik Saiful Anwar bin Muhamad Sharif (K1753)**
Cadang : Encik Muhammad Nazmi bin Mohd Yusof (K2333)
Sokong : Encik Azhar bin Abdul Shukor P.J.K. (K1185)
Bil Undi : **157**

Keputusan : **Encik Saiful Anwar bin Muhamad Sharif (K1753)**

iii. PEMILIHAN 10 ORANG AHLI JAWATANKUASA SESI 2023/2025

CALON 1

Nama : **Puan Haslinda binti Yessan (K1471)**
Cadang : Puan Nur Izzaty binti Anuar (K2049)
Sokong : Encik Mohd Zahirudin bin Ahmad (K1799)
Bil Undi : **185**

CALON 2

Nama : **Encik Muhammad Nor Ibnu bin Ahmad Shukri (K1885)**
Cadang : Puan Norzuhaily binti Md Nasir (K1467)
Sokong : Encik Mohd Fahmy bin Baharudin (1612)
Bil Undi : **175**

CALON 3

Nama : **Puan Suzana binti Haron (K1425)**
Cadang : Encik Mohd. Khairil bin Abu Zahar (K1765)
Sokong : Encik Shahrom bin Abu Bakar (K0845)
Bil Undi : **165**

CALON 4

Nama : **Encik Mohd Azriq bin Ahmad (K1892)**
Cadang : Encik Shahrom bin Abu Bakar (K0845)
Sokong : Encik Mohd Nazree bin Ahmad Latifi (K1483)
Bil Undi : **121**

CALON 5

Nama : **Puan Norsaharani binti Sahar (K1287)**
Cadang : Puan Ernie Surianie binti Pangat @ Radin Pangat (K1428)
Sokong : Encik Zurani bin Mohamad Darum P.J.K. (K1180)
Bil Undi : **153**

CALON 6

Nama : **Encik Nor Azim bin Mohd Isa (K1564)**
Cadang : Encik Muhammad Hairul Nizam bin Khambali (K1723)
Sokong : Encik Mohd. Khairil bin Abu Zahar (K1765)
Bil Undi : **138**

CALON 7

Nama : **Puan Suriyani binti Ismail (K1868)**
Cadang : Puan Roslina binti Ahmad (K1246)
Sokong : Puan Azuin Shuhana binti Mohd Azhar (K1939)
Bil Undi : **143**

CALON 8

Nama : **Puan Siti Maria binti Abd Aziz (K1607)**
Cadang : Puan Rozita binti Othman (K1358)
Sokong : Puan Zuraini binti Mohamed Mua (K1568)
Bil Undi : **130**

CALON 9

Nama : **Encik Mohd Zahirudin bin Ahmad (K1799)**
Cadang : Encik Mohd Nor Azlan bin Mohd Norri (K1543)
Sokong : Encik Mohammad Shah Ikhwan bin Shahrom (P1607)
Bil Undi : **59**

CALON 10

Nama : **Puan Azuin Shuhana binti Mohd Azhar (K1939)**
Cadang : Puan Azam Shafiqah binti Mohd Azhar (K1755)
Sokong : Puan Zuraini binti Mohamed Mua (K1568)
Bil Undi : **90**

CALON 11

Nama : **Encik Anuar bin Abdul Rahman (P1517)**
Cadang : Encik Mohd Nor Azlan bin Mohd Norri (K1543)
Sokong : Encik Muhamad Syahbani bin Parun (K1770)
Bil Undi : **151**

Keputusan :

1. ENCIK ANUAR BIN ABDUL RAHMAN (P1517)
2. PUAN AZUIN SHUHANA BINTI MOHD AZHAR (K1939)
3. PUAN SITI MARIA BINTI ABD AZIZ (K1607)
4. PUAN SURIYANI BINTI ISMAIL (K1868)
5. ENCIK NOR AZIM BIN MOHD ISA (K1564)
6. PUAN NORSAHARANI BINTI SAHAR (K1287)
7. ENCIK MOHD AZRIQ BIN AHMAD (K1892)
8. PUAN SUZANA BINTI HARON (K1425)
9. ENCIK MUHAMMAD NOR IBNU BIN AHMAD SHUKRI (K1885)
10. PUAN HASLINDA BINTI YESSAN (K1471)

9.0 PELANTIKAN PEMERIKSA KIRA-KIRA

CALON 1

Nama : **Puan Norliyana binti Remeli (K1984)**
Cadang : **Encik Zurani bin Mohamad Darum P.J.K. (K1180)**
Sokong : **Encik Azhar bin Abdul Shukor P.J.K. (K1185)**
Bil Undi : **Sebulat Suara**

CALON 2

Nama : **Puan Norjamilah binti Zaini (K2041)**
Cadang : **Puan Norliyana binti Remeli (K1984)**
Sokong : **Puan Ernie Surianie binti Pangat @ Radin Pangat (K1428)**
Bil Undi : **Sebulat Suara**

USUL

10.1. MELANTIK PEMEGANG AMANAH PERSATUAN KEBAJIKAN PEKERJA-PEKERJA (PKP) PKNS

Selaras dengan fasal 20 Undang-Undang Tubuh PKP, Pemegang Amanah perlu dilantik di dalam Mesyuarat Agung Dwi Tahunan. Jumlah Pemegang Amanah yang dicadangkan adalah tidak kurang dari (2) orang dan tidak melebihi lima (5) orang.

Mesyuarat Agung Dwi Tahunan ke 33 ini yang diadakan pada 24 Jun 2023 mencadangkan jawatan-jawatan berikut sebagai Pemegang Amanah bagi sesi 2023/2025

- Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan & Keusahawanan)
- Ketua Pegawai Korporat
- Yang Dipertua PKP Sesi 2023/2025

Dokumen-dokumen yang berkaitan dengan hartanah milik PKP hendaklah ditandatangani oleh Yang Dipertua PKP dan salah seorang dari dua (2) orang Pemegang Amanah tersebut.

Pencadang : Encik Azhar bin Abdul Shukor P.J.K. (K1185)

Penyokong : Puan Yuzawati binti Yusof (K1378)

Keputusan : Sebulat Suara

USUL

10.2. MEMBUAT PINJAMAN LUAR

PERUNTUKAN KUASA KEPADA JEMAAH PENTADBIR PERSATUAN KEBAJIKAN PEKERJA-PEKERJA (PKP) PKNS

Mesyuarat Agong Dwi Tahunan ke 33 pada 24 Jun 2023 dengan ini memberi kebenaran dan kuasa kepada Jemaah Pentadbir PKP sesi 2023/2025 membuat pinjaman dengan mana-mana institusi kewangan sebanyak tidak lebih dari **RM3,000,000.00** (Ringgit Malaysia: Tiga Juta Sahaja). (Sesi 2023/2025)

Pencadang : Encik Rizuan bin Jamil @ Shafii (K1540)
Penyokong : Encik Ahmad Hazim bin Ramli (K2152)
Keputusan : Sebulat Suara

USUL

10.3. MENCAGAR DANA ATAU MEMAJAK HARTA

PERUNTUKAN KUASA KEPADA JEMAAH PENTADBIR PERSATUAN KEBAJIKAN PEKERJA-PEKERJA (PKP) PKNS

Mesyuarat Agong Dwi Tahunan ke 33 pada 24 Jun 2023 dengan ini memberi kebenaran dan kuasa kepada Jemaah Pentadbir PKP mencagar dana atau memajak harta kepada mana-mana badan atau institusi kewangan mana-mana satu atau beberapa dari harta PKP yang telah dan akan dimiliki bagi tujuan mendapatkan sumber kewangan kepada PKP dalam menjalankan kegiatan ekonomi PKP dari masa ke semasa.

- Pencadang : Puan Yuzawati binti Yusof (K1378)
Penyokong : Encik Mohammad Safri bin Md Yatim (K1510)
Keputusan : Sebulat Suara

USUL

10.4 MEMBUAT PELABURAN DAN PEMBELIAN HARTANAH

PERUNTUKAN KUASA KEPADA JEMAAH PENTADBIR PERSATUAN KEBAJIKAN PEKERJA-PEKERJA (PKP) PKNS

Mesyuarat Agung Dwi Tahunan ke 33 pada 24 Jun 2023 dengan ini memberi kebenaran dan kuasa kepada Jemaah Pentadbir PKP sesi 2023/2025 membuat pelaburan dalam saham yang sah sehingga **RM2,000,000.00** (Ringgit Malaysia: Dua Juta Sahaja) dan membeli hartanah yang tidak melebihi dari **RM2,000,000.00** (Ringgit Malaysia: Dua Juta Sahaja) bagi sesi 2023/2025.

Pencadang : Puan Ernie Surianie binti Pangat @ Radin Pangat (K1428)

Penyokong : Puan Azuin Shuhana binti Mohd Azhar (K1939)

Keputusan : **Sebulat Suara**

USUL

10.5 PINDAAN UNDANG-UNDANG TUBUH PKP

Mesyuarat Agung PKP Dwi Tahunan ke 33 pada 24 Jun 2023 menerima usul untuk meminda Jadual PKP atas fasal berikut;

Catitan: Usul ini telah dibentang pada mesyuarat Bil. 32 pada 14 Ogos 2021 dan telah diluluskan.

Bil.	Sedia ada	Pindaan	Ulasan
1.	Fasal 2.0 Alamat: Ibu Pejabat Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor, Petaling Jaya	Fasal 2.0 Alamat: Ibu Pejabat Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Shah Alam.	Selaras dengan perpindahan Ibu Pejabat PKNS di Shah Alam.
2.	Fasal 3.0 Tempat Mesyuarat: Pejabat Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor, Petaling Jaya	Fasal 3.0 Tempat Mesyuarat: Pejabat Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Shah Alam	Selaras dengan perpindahan Ibu Pejabat PKNS di Shah Alam.

Pencadang : Ahli Jemaah Pentadbir PKP

Penyokong : Puan Suzana binti Haron (K1425)

Keputusan : **Sebulat Suara**

USUL

10.5 MELUPUS BAKI PINJAMAN SIBERHUTANG

Mesyuarat Agung PKP Dwi Tahunan ke 33 pada 24 Jun 2023 dengan ini mencadangkan untuk melupus baki pinjaman siberhutang seperti butiran berikut;

Bil.	Nama Peminjam	Jenis Pinjaman	Jumlah Baki Pinjaman
1.	Jalil bin Sulaiman	Perabot	RM300.00
2.	Abdul Malik bin Mohd Yatim	Penapis Air	RM100.00
3.	Nor Azlan bin Mohd Amiruddin	Komputer	RM800.00
4.	Shaiful Amri bin M. Tajudin	Komputer	RM1,320.00
5.	Nur Amirah binti Sulaiman	Komputer	RM909.45
6.	Mohd Faiz bin Mohd Tohid	Komputer	RM800.00
		Jumlah	RM4,229.45

Catitan:

Mesyuarat Ahli Jemaah Pentadbir PKP telah setuju dengan melupuskan baki pinjaman siberhutang atas beberapa faktor berikut;

- i. Telah membuat carian di alamat terakhir rumah siberhutang
- ii. Telah menghubungi waris terdekat dan kenalan selepas gagal menghubungi siberhutang
- iii. Telah mengeluarkan surat peringatan kepada siberhutang dan tiada maklumbalas.
- iv. Rekod lama yang telah melebihi tujuh (7) tahun.

Dikemukakan usul pelupusan baki pinjaman siberhutang ini kepada Mesyuarat Agung Dwi Tahunan PKP ke 33 untuk usul diterima.

Pencadang : Encik Mohd Khairil bin Abu Zahar (K1765)

Penyokong : Encik Ahmad Fauzi bin Hamidun (K2378)

Keputusan : **Sebulat Suara**

11.0 **HAL-HAL LAIN**

11.1 **Cadangan Kenaikan Kadar Elaun Kehadiran**

Encik Norazhaar bin Mahmud (P1462) mencadangkan agar elaun kehadiran Mesyuarat Agung pada hari ini dibayar sebanyak RM150 dengan sokongan sebulat suara oleh Ahli-ahli PKP.




YDP PKP yang baharu memaklumkan dengan kemampuan kewangan dan bajet Mesyuarat Agung yang telah diperuntukkan, maka elaun kehadiran pada hari ini adalah sebanyak RM100.

Mesyuarat telah ditangguhkan pada jam 1.06 petang. Yang Dipertua PKP merakamkan ucapan terima kasih di atas kehadiran ahli ke Mesyuarat Agung Dwi Tahunan PKP Kali Ke-33.

**KEPUTUSAN PEMILIHAN AHLI JEMAAH PENTADBIR PKP
SESI 2023/2025**

- YANG DI PERTUA** : ENCIK MOHD SHAHMIL BIN SAHAR
- NAIB YANG DIPERTUA** : ENCIK SAIFUL ANWAR BIN MUHAMAD SHARIF
- AHLI JEMAAH**
1. PUAN HASLINDA BINTI YESSAN
 2. ENCIK ANUAR BIN ABDUL RAHMAN
 3. PUAN AZUIN SHUHANA BINTI MOHD AZHAR
 4. PUAN SITI MARIA BINTI ABD AZIZ
 5. PUAN SURIYANI BINTI ISMAIL
 6. ENCIK NOR AZIM BIN MOHD ISA
 7. PUAN NORSAHARANI BINTI SAHAR
 8. ENCIK MOHD AZRIQ BIN AHMAD
 9. PUAN SUZANA BINTI HARON
 10. ENCIK MUHAMMAD NOR IBNU BIN AHMAD SHUKRI
- PEMERIKSA KIRA-KIRA**
1. PUAN NORLIYANA BINTI REMELI
 2. PUAN NORJAMILAH BINTI ZAINI

BAHAGIAN 2

 Laporan Jemaah Pentadbir PKP PKNS Sesi 2023/2025	33
 Laporan Tabung Bangunan PKP PKNS Sesi 2023/2025	38
 Laporan Tabung Amanah Derma Pelajaran (TADP) Sesi 2023/2025	47

**LAPORAN AHLI JEMAAH PENTADBIR
PERSATUAN KEBAJIKAN PEKERJA-PEKERJA
SESI 2023/2025**

SENARAI AHLI JEMAAH PENTADBIR PKP SESI 2023/2025

Bil	Jawatan	Nama
1.	Yang Dipertua	Encik Mohd Shahmil bin Sahar
2.	Naib Yang Dipertua	Encik Saiful Anwar bin Haji Muhamad Sharif
3.	Setiausaha	Puan Haslinda binti Yessan
4.	Penolong Setiausaha	Encik Muhammad Nor Ibnu bin Ahmad Shukri
5.	Bendahari	Encik Mohd Fakaruddin bin Fuad
6.	Ahli Jawatankuasa	Encik Nor Azim bin Mohd Isa Puan Norsaharani binti Sahar Puan Suzana binti Haron Puan Siti Maria binti Aziz Puan Suriyani binti Ismail Puan Azuin Shuhana binti Mohd Azhar Encik Anuar bin Abdul Rahman Encik Mohd Azriq bin Ahmad

PEMERIKSA KIRA- KIRA SESI 2023/2025

Bil	Jawatan	Nama
1.	Pemeriksa Kira-Kira 1	Puan Norliyana binti Remeli
2.	Pemeriksa Kira-Kira 2	Puan Norjamilah binti Zaini

PEMEGANG AMANAH SESI 2023/2025

Bil	Jawatan	Nama
1.	Pemegang Amanah 1	Tuan Haji Suhaimi bin Haji Kasdon
2.	Pemegang Amanah 2	Tuan Haji Idris bin Ishak S.M.S.

1.0 PENUBUHAN JAWATANKUASA

Selaras dengan Undang-undang Tubuh PKP PKNS, Yang Dipertua PKP di Mesyuarat Pertama Jemaah Pentadbir PKP telah melantik Ahli Jawatankuasa Tabung Bangunan dan Tabung Amanah Derma Pelajaran (TADP) sesi 2023/2025 bagi meyelaras dan memastikan program serta aktiviti PKP berjalan lancar.

2.0 KEAHLIAN PKP

Komposisi ahli PKP pada sepanjang sesi 2023/2025 adalah seperti berikut;

Bil	Jabatan	Jumlah
1.	PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR	828
2.	PKNS INFRA BERHAD (PI BRILLIANT BHD)	1
JUMLAH		829

**setakat Mei 2025.*

3.0 HARTA TETAP PKP

BIL	ALAMAT PREMIS	KOS BELIAN (RM)	NILAI SEWA SEBULAN (RM) REKOD TERKINI
1.	Kedai 3 Tingkat No. 8 Jalan 227A, Seksyen 51A, Petaling Jaya	607,572.00	6,700.00
2.	Kedai 2 Tingkat No. 52, Jln Pinang C, Seksyen 18, Shah Alam	200,000.00	10,625.00
3.	Kedai Pejabat 3 Tingkat No. 46 Jalan Pekaka 8/3, Seksyen 8, Kota Damansara	850,000.00	7,250.00
4.	Kedai Pejabat 3 Tingkat No. 4, Jalan 19/D, Seksyen 19, Shah Alam	1,588,888.00	9,540.00
5.	Kedai Teres 2 Tingkat No. 39, Jalan Melati 3/19, Bandar Melawati, Kuala Selangor	530,000.00	2,900.00
6.	Kedai Pangsapuri No. 111, Jalan 4/2A, Seksyen 4, Bandar Baru Bangi	800.00	800.00
7.	Vending Machine Blok B, PKNS HQ	150.00	150.00

7.0 REKOD KEHADIRAN MESYUARAT AHLI JEMAAH PENTADBIR PKP SESI 2023/2025

Ahli Jemaah Pentadbir PKP telah bermesyuarat sebanyak (23) kali bagi sesi 2023/2025. Rekod kehadiran Ahli mesyuarat seperti berikut ;

Bil	Nama	Bilangan Mesyuarat
-----	------	--------------------

1.	Encik Mohd Shahmil bin Sahar	21/23
----	------------------------------	-------

√	√	√			√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√
---	---	---	--	--	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---

2.	Encik Saiful Anwar bin Haji Muhamad Sharif	19/23
----	--	-------

√	√		√	√	√	√	√	√			√	√	√	√	√	√		√	√	√	√
---	---	--	---	---	---	---	---	---	--	--	---	---	---	---	---	---	--	---	---	---	---

3.	Encik Mohd Fakaruddin bin Fuad	20/23
----	--------------------------------	-------

√	√		√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√		√	√		√	√	√	√
---	---	--	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	--	---	---	--	---	---	---	---

4.	Puan Haslinda binti Yessan	23/23
----	----------------------------	-------

√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√
---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---

5.	Encik Muhammad Nor Ibnu bin Ahmad Shukri	18/23
----	--	-------

√	√				√	√	√	√		√	√	√	√	√	√	√		√	√	√	√
---	---	--	--	--	---	---	---	---	--	---	---	---	---	---	---	---	--	---	---	---	---

6.	Puan Puan Norsaharani binti Sahar	21/23
----	-----------------------------------	-------

√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√		
---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	--	--

7.	Puan Suzana binti Haron	22/23
----	-------------------------	-------

√	√	√	√	√	√	√	√	√	√		√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√
---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	--	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---

LAPORAN TABUNG BANGUNAN PERSATUAN KEBAJIKAN PEKERJA-PEKERJA (PKP) SESI 2023/2025

1.0 PENDAHULUAN

Tabung Bangunan Persatuan Kebajikan Pekerja-Pekerja (TBPKP) telah menjalankan aktivitinya selaras dengan tujuan penubuhannya seperti berikut;

- i) Mencari sumber kewangan untuk membiayai aktiviti PKP
- ii) Mengumpul wang untuk membeli Harta dan Bangunan atau aktiviti lain yang boleh menyumbang punca pendapatan

2.0 AHLI JAWATANKUASA TABUNG BANGUNAN

Pengerusi	:	Encik Mohd Shahmil bin Sahar
Setiausaha	:	Puan Suzana binti Haji Haron
Bendahari	:	Encik Mohamad Fakaruddin bin M. Fuad
